

TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR, UTeM

SEMPENA MAJLIS JASAMU DIKENANG

08 April 2021 (Khamis), 3.00 Petang
Auditorium, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Terima Kasih Saudara Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

Y.Bhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Ghazali bin Omar

Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rahimi bin Yusoff

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Y.Berusaha En. Masdzarif bin Mahat

Ketua Pegawai Operasi

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Presiden UTeMASA, Presiden PRAKTIS, Pengerusi
KEKUTeM, Wakil BAKUTEM, para pesara yang diraikan,
hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

1. Pertamanya, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Jasamu Dikenang. Majlis yang pada awalnya dirancang untuk dilaksanakan pada awal tahun ini terpaksa ditunda beberapa kali kerana situasi PKP yang tidak mengizinkan. Alhamdulillah, pada petang ini, kita diberikan kesempatan untuk meraikan 7 orang staf yang bersara wajib dan 12 orang staf yang bersara pilihan bagi tahun 2020.

2. Majlis ringkas, namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada staf yang bersara. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pesara yang diraikan iaitu:

- Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad,
- Prof. Dato' Dr. Abu bin Abdullah,
- Prof. Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus,
- Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid,
- Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
- Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin,

- Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan,
- Prof. Madya Ir. Dr. Rosli bin Omar,
- Inspektor Polis Bantuan Saharuddin bin Shriff,
- Lans Koperal Polis Bantuan Ithnain bin Majid @
Abdullah,
- Koperal Polis Bantuan Kasron bin Beseth,
- Koperal Polis Bantuan Hasimah binti Hashim,
- En. Aziz bin Yahya,
- En. Hamidon bin Yaacob,
- Pn. Hjh. Faridah binti Hj Md Amin,
- En. Muhamad Muzaini bin Sahary,

- LAr. Abdul Wahab bin Harun,
- En. Mohd Fadzil bin Zulkifli, dan Pn. Fouziah binti Ramli.

3. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala khidmat bakti, pengorbanan, jasa dan budi para pesara berikan di sepanjang perkhidmatan khususnya di UTeM.

4. Saya percaya, terdapat di antara para pesara yang diraikan hari ini merupakan antara staf terawal yang menjadi perintis

dan penggerak Universiti ini sejak dari awal penubuhan, ketika di zaman Kolej Universiti dahulu.

5. Saya yakin, ketika fasa awal penubuhan Universiti ini, pelbagai cabaran telah diharungi; dengan infrastruktur yang serba kekurangan, cabaran dalam tadbir urus, kesukaran dalam membina kepercayaan pelbagai pihak seperti pelajar dan ibu bapa, industri dan lain-lain lagi.
6. Namun, semua ini bukan menjadi penghalang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dan bersama-sama berjuang bagi memastikan UTeM terus berjaya dan cemerlang sehingga ke hari ini.

7. Sebagai penghargaan di atas segala sumbangan dan dedikasi di sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan, maka hari ini, pihak Universiti amat berbesar hati menganjurkan majlis ini, sebagai tanda terima kasih, walaupun nilainya tidaklah setara dengan khidmat bakti tanpa jemu yang tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini.

Perigi tuan semak siratan,
Ukur tali nampak serupa,
Pergi tuan semarak ingatan,
Luhur budi tidak dilupa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

8. Dunia persaraan merupakan fasa terakhir dalam perjalanan alam pekerjaan seseorang yang bergelar penjawat awam. Semestinya, persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna tersendiri.

9. Fasa persaraan boleh dianggap sebagai peralihan tempoh perjalanan kehidupan untuk menjadi lebih aktif terutamanya dalam menceburi bidang baru, yang mungkin sebelum ini tidak dapat untuk dilaksanakan, kerana faktor kekangan masa dan tenaga, yang disebabkan keperluan komitmen dalam masa bertugas.
10. Saya pasti, pelbagai aktiviti yang telahpun tuan puan laksanakan selepas bergelar pesara, yang semestinya dapat memberi kepuasan dan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malah terhadap keluarga dan masyarakat. Peluang persaraan ini juga boleh dijadikan

sebagai satu ruang masa yang lebih berkualiti untuk bersama-sama ahli keluarga.

11. Kami di UTeM, mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan, dan jika berkesempatan, teruskanlah untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara tidak kira dalam apa jua aktiviti dan bidang yang diceburi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

12. Meskipun Universiti kehilangan sekumpulan lagi staf yang berkebolehan dan berpengalaman, tetapi saya percaya, segala apa yang telah dicurahkan kepada Universiti ini, pastinya akan terus mekar dalam ingatan dan sanubari kita bersama.

13. Melihat sahaja kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, saya yakin semangat kekeluargaan seUTeM dan ikatan silaturahim yang terjalin telah sehati dalam diri kita semua.

14. Kami di sini juga mengharapkan agar kami semua terus diingati dan kekal dalam sanubari tuan-tuan dan puan-puan. Disamping itu, pihak Universiti juga amat mengalu-alukan sumbangan dan sokongan berterusan tuan-tuan dan puan-puan untuk melonjakkan lagi kecemerlangan UTeM seperti menghulurkan sumbangan dalam tabung endowmen dan

wakaf bagi membantu pelajar B40, sumbangan bagi membantu pembangunan penyelidikan dan sebagainya.

15. Mengakhiri ucapan, sekali lagi, saya mewakili pengurusan Universiti dan seluruh warga UTeM, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala curahan bakti dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini. Semoga jalinan persahabatan kita akan terus berkekalan.

Pandai terbilang putera perkasa,
Tengok puteri akar dicari,
Andai ada ruang dan masa,
Jenguklah kami bugarkan memori.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum
wbkth.